

TARIKH : 26/7/2022

SURAT KhabAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

## Integrasi sistem pekerja asing diketahui Khamis

**Kuala Lumpur:** Maklumat balas Indonesia mengenai cadangan mengintegrasikan sistem pengambilan pekerja asing negara itu akan diketahui, Khamis ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata cadangan itu dikemukakan Malaysia hasil perbincangan di antara Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Dalam Negeri dengan Kedutaan Indonesia di sini, minggu lalu.

Katanya, pada dasarnya semua pihak bersetuju untuk mengintegrasikan Sistem Maid Online (SMO) dengan saluran One Channel System (OCS).

"Kita sudah menggunakan SMO untuk 14 negara dan nak hapuskan untuk satu negara adalah mustahil.

"Indonesia pula menyatakan jika kita menggunakan SMO, mereka tidak tahu (nasib) dan mana perginya warga mereka setelah mendapat permit kerja dan masuk ke Malaysia," katanya semalam.

Malaysia dan Indonesia menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai Pengambilan dan Penempatan Pehidmat Domestik Indonesia pada 1 April lalu.

MoU itu membuka laluan kepada kemasukan pekerja Indonesia pelbagai sektor, termasuk pehidmat domestik Indonesia.

Kerajaan Indonesia kemudian menangguh sementara kemasukan pekerja warga Indonesia ke Malaysia, ekoran kekeliruan mekanisme pengambilan.



Malaysia dan Indonesia menandatangani MoU mengenai Pengambilan dan Penempatan Pehidmat Domestik-Indonesia pada 1 April lalu. (Foto hiasan)